



PASUKAN mencari dan menyelamatkan Rusia menggunakan sistem GPS ketika berada dalam helikopter di ruang angkasa Arklyk, Kazakhstan untuk mengesan lokasi tempat pendaratan kapsul Soyuz yang membawa tiga angkasawan termasuk Sheikh Muszaphar Shukor.

'Mus se

u.m m/s 3 22/10/07

MOSCOW 21 Okt. – Seronok dan lega. Itulah perasaan ibu kepada Dr. Sheikh Muszaphar Shukor, Datin Zuraidah Sheikh Ahmad apabila dimaklumkan anaknya selamat mendarat ke Bumi dari Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), hari ini.

“Dia menghubungi saya sebaik sahaja berjaya mendarat di Bumi. Saya dan suami sempat bercakap dengannya selama 10 minit.

“Perasaan saya lega apabila mendapat tahu yang dia selamat mendarat bersama dua angkasawan lain,” katanya ketika ditemui pemberita di Pusat Kawalan Misi (MCC) di sini.

Sheikh Muszaphar selamat mendarat di Bumi pada pukul 2.37 petang waktu tempatan (6.37 petang waktu Malaysia) selepas berlepas dari ISS pada pukul 11.15 pagi (3.15 petang waktu Malaysia).

Perjalanan tersebut mengambil masa tiga jam 23 minit.

Beliau berada di ISS selama 10 hari dengan menjalankan misi penyelidikan berkaitan sel, bakteria dan pengkristalan protein.

Delegasi Malaysia diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut menyaksikan siaran langsung berita pendaratan Sheikh Muszaphar melalui skrin besar di MCC.

Zuraidah berkata, dia dan suami, Datuk Mustapha Shukor dan anak sulungnya, Sheikh Ahmad telah berada di Moscow sejak awal lagi untuk mengikuti perkembangan terkini Sheikh Muszaphar di ISS.

“Kini, hati saya tidak risau lagi dan tidak sabar untuk sama-sama pulang ke tanah air,”



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor bersama para pegawai Malaysia serta keluarga Sheikh Muszaphar yang berada di Moscow mengaminkan doa selepas angkasawan pertama negara selamat mendarat di Bumi, semalam.

selamat dan baik'

... jelasnya yang telah turun berat badan sebanyak tujuh kilogram sepanjang menetap di Moscow menanti kepulangan Sheikh Muszaphar.

Sementara itu, Sheikh Mustapha berkata, beliau tidak sangka anaknya yang menelefon beliau, sehinggalah Dr. Sheikh Muszaphar

memanggilnya dengan menyebut 'Abah'.

"Abah ini Mus, Mus selamat dan baik sahaja," katanya semasa menceritakan detik-detik awal beliau berhubungan dengan anaknya itu untuk tempoh 10 minit.

Katanya, dia dan keluarga sentiasa berdoa agar anaknya itu selamat pulang ke Bumi.

"Selepas ini, saya tidak risau lagi jika anak saya diberi peluang untuk melaksanakan misi seterusnya kerana dia sudah ada pengalaman.

"Namun, keutamaan haruslah diberikan kepada Faiz (Kapten Dr. Faiz Khaleed)," tambahnya.